

SULIT
3757/2
EKONOMI
ASAS
KERTAS 2
NOVEMBER
2000
2 JAM

3757/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000

TINGKATAN EMPAT

EKONOMI ASAS

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 6 soalan.*
- 2. Jawab mana-mana 4 soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

3757/2 © 2000 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu

[Lihat sebelah
SULIT

Jawab mana-mana empat soalan

Kehendak manusia tidak tahad
berbanding dengan sumber
ekonomi yang terhad

- 1 (a) Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan masalah yang dihadapi oleh unit-unit ekonomi. [6 markah]
- (b) Encik Nizam adalah seorang graduan dalam bidang ekonomi dan ingin menceburi dalam bidang perindustrian. Terangkan masalah asas ekonomi yang dihadapi oleh beliau. [8 markah]
- (c) Johnny, seorang pelancong dari Amerika Syarikat. Beliau telah datang ke Malaysia dan ingin tahu bagaimana sistem ekonomi Malaysia menyelesaikan masalah asas ekonomi. Jelaskan. [11 markah]
2. (a) Encik Marzuki bekerja sebagai guru. Gaji bulannya ialah RM2000 dan elaun khidmat Awam sebanyak RM170. Beliau mencarum kepada KWSP sebanyak 11% daripada pendapatannya. Beliau mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan 4 orang anak yang masih dalam tanggungan. Beliau juga membeli polisi insurans nyawa sebanyak RM100 sebulan.

Pelepasan cukai yang diberikan oleh kerajaan

Diri Sendiri	RM5000
Isteri	RM3000
Anak	RM 800

Kadar cukai ialah

RM2500	pertama	0%
RM2500	kedua	2%
RM5000	berikut	4%
RM10,000	berikut	6%

Berdasarkan kenyataan di atas, hitungkan ;

- (i) pendapatan boleh cukai [7 markah]
(ii) cukai pendapatan perlu dibayar [4 markah]
(iii) pendapatan boleh guna [6 markah]
- (b) Terangkan sebab-sebab seseorang individu membuat pinjaman. [8 markah]

3.

- En. Wan Hussin merupakan seorang kakitangan Awam. Gaji bulanan beliau ialah RM1500 dan elaun khidmat awamnya ialah RM170
- Beliau mempunyai 2 orang anak. Anak sulungnya Wan Roslan berkelulusan Universiti dan bekerja di sektor swasta dengan gaji bulananya RM2000.
- Anak bongsunya, Wan Ruzli berkelulusan SPM dan masih menganggur.

- (a) Apabila En. Wan Hussin bersara pada tahun depan, beliau akan menerima ganjaran sebanyak RM40,000 daripada kerajaan. Beliau belum pasti untuk memanfaatkan wang tersebut.

Cadangkan 4 cara, bagaimana beliau boleh menggunakan wangnya untuk meningkatkan pendapatannya pada masa depan. [11 markah]

- (b) Apakah sektor-sektor ekonomi yang boleh diceburi oleh anak bongsu En. Wan Hussin. [7 markah]

- (c) Mengapakah anak sulung En. Wan Hussin memilih untuk bekerja di sektor swasta berbanding sektor awam? [7 markah]

- 4 (a) Dengan menggunakan gambarajah kelok permintaan individu, terangkan hubungan antara harga dengan kuantiti [9 markah]

- (b) Nyatakan dan terangkan mana-mana lima faktor yang mempengaruhi permintaan [10 markah]

- (c) Terangkan maksud keanjalan permintaan harga yang berikut ;

(i) permintaan anjal

(ii) permintaan tidak anjal

[6 markah]

- 5 (a) Bezakan input tetap dengan input berubah dalam proses pengeluaran.

[4 markah]

Telipot 28 Jun, 2000 : Pengurus Syarikat Keropok Sdn Bhd, telah membuat keputusan untuk mengurangkan tingkat pengeluaran daripada 500,000 setahun kepada 300 000 unit setahun. Bagaimanapun menurut beliau pengurangan ini tidak akan melibatkan pengurangan kakitangan dan tidak menjejaskan keuntungan Syarikat

Arif Mail

- (b) Nyatakan dan terangkan faktor-faktor yang mendorong keputusan pengurusan syarikat tersebut. [10 markah]

Input Tetap	Input Berubah (buruh) unit	Jum. Keluaran	Keluaran Purata	Keluaran Sut
1	0		-	
1	1		6	
1	2		8	
1	3		9	
1	4		8	
1	5		7	
1	6		5	

Jadual 1

- (c) Lengkapkan jadual 1 di atas dan terangkan hubungan antara jumlah keluaran dengan keluran purata dan keluran sut. [11 markah]
6. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pasaran barang dan pasaran faktor [4 markah]
- (b) Jadual di bawah menunjukkan penawaran sejenis barang oleh firma X dan firma Y

Harga (RM)	Kuantiti Penawaran (unit)	
	Firma X	Firma Y
4	2	5
6	3	6
8	4	7

Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2

- (i) Hitung penawaran pasaran pada tiap-tiap harga yang dinyatakan.
- (ii) Lukiskan dan terangkan pembentukan keluk Penawaran Pasaran bagi barang tersebut. [11 markah]

IKLAN JAWATAN KOSONG
Syarikat Iman Bhd.
Jawatan : Pengurus Jualan
Gaji : RM2000

- (c) Dengan menggunakan gambarajah, bagaimanakah upah RM2000 ditentukan dipasaran buruh [10 markah]